

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
(LEDANG)**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [ LEDANG ]** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) peruntukan yang telah digunakan bagi membaik pulih dan membangunkan semula infrastruktur balai polis termasuk kuarters dan pondok polis; dan

(b) faktor-faktor yang menyebabkan isu penyenggaraan balai polis ini tidak selesai dan jangkaan masa perkara ini dapat diselesaikan .

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan amat prihatin dan komited untuk menyediakan fasiliti yang lebih baik kepada anggota PDRM dalam memastikan keselesaan dan keselamatan mereka sentiasa terjamin.

Di bawah *Rolling Plan* Pertama (RP1) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), peruntukan keseluruhan sebanyak RM 59.09 juta telah diluluskan melalui perbelanjaan pembangunan bagi kerja-kerja pembaikan premis PDRM seperti berikut:

1. Perbelanjaan Pembangunan (DE) di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) untuk pembaikan premis pejabat dan kuarters PDRM sebanyak RM 50 juta; dan
2. Peruntukan khas pembaikan 8 cerun di premis PDRM berjumlah RM 9.09 juta.

Sebelum itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) pula, peruntukan keseluruhan sebanyak RM 448.37 juta telah diluluskan melalui perbelanjaan pembangunan bagi kerja-kerja pembaikan premis PDRM. Perincian peruntukan yang diluluskan adalah seperti berikut:

1. Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM167 juta bagi pembaikan pejabat dan kuarters;
2. RM 122 juta bagi pembaikan lif;
3. RM 100.5 juta bagi pembaikan lokap, pos dan jeti di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Prihatin;
4. RM 40 juta bagi pembaikan stor Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN);

## SOALAN : 10

5. Peruntukan khas RM 11.3 juta bagi pembaikan di IPD Kajang dan Sepang; dan
6. RM 7.57 juta bagi pembaikan cerun di lima (5) lokasi premis PDRM.

Di bawah Perbelanjaan Mengurus (OE), PDRM telah menerima peruntukan sebanyak RM 43.5 juta pada tahun 2021, RM 65.3 juta pada tahun 2020 dan RM 57.84 juta pada tahun 2019 bagi kerja-kerja pembaikan premis PDRM.

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan *Building Management Budget (BMB)* oleh *Department of Housing Public Works* dari *Queensland Government Australia*, norma bagi keperluan pembaikan dan penyelenggaraan bangunan setahun adalah 1% - 4% daripada nilai aset semasa. Pada masa ini, nilai aset tak alih semasa PDRM mengikut Bahagian Perakaunan Akruan, KDN adalah bernilai RM45.68bilion.

Berdasarkan maklumat tersebut, keperluan sebenar peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan aset tak alih adalah sekitar RM456.75juta hingga RM1.83bilion setahun. Namun, peruntukan tahunan yang dikhususkan kepada PDRM bagi tujuan pembaikan dan penyelenggaraan bangunan secara purata berjumlah RM 213.33 juta setahun adalah tidak mencukupi bagi menampung keperluan pembaikan premis. Kementerian memahami akan keperluan ini dan telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan untuk memberi tumpuan kepada penyelenggaraan premis berjadual (*Facilities Maintenance*) termasuklah di premis PDRM di bawah peruntukan yang akan datang.